

ANALISIS MORFEM DIALEK MELAYU NEGERI SEMBILAN

MORFEM adalah unit bahasa yang terkecil yang mengandung erti baik leksikal mahupun erti gramatikal dalam struktur bahasa. Maksud unit yang terkecil mengandung erti ialah satu unit yang tidak dapat dibahagi tanpa menghapuskan atau mengubahkan erti secara drastis.

Contoh:

ladang — satu morfem, sebagai satu kesatuan yang mempunyai erti.

Jika kata *ladang* dibahagikan kepada /la/atau/dang/, kita dapati segmen itu tidak mempunyai erti. Tetapi kalau dibahagikan kepada /lada/ dan /ng/, /lada/ mempunyai erti tetapi tidak ada hubungannya dengan *ladang*. Sebarang pembahagian atas *ladang* menghapuskan atau mengubahkan erti yang drastis. Oleh sebab itu, *ladang* menepati deskripsi morfem sebagai unit yang terkecil yang mengandung erti dalam struktur bahasa.

Morfem tidak serupa dengan suku kata. Morfem *ladang* terdiri daripada dua suku kata: /la/ dan /dang/. *Moli* 'membeli' terdiri daripada dua morfem /M-/ dan /boli/, tetapi terdiri daripada dua suku kata: /mo/ dan /li/. Jadi morfem dapat terdiri daripada sebahagian suku kata atau sebarang kombinasi fonem tanpa menghiraukan statusnya sebagai suku kata.

Morfem dapat terdiri daripada satu *fonem* seperti dalam contoh: /M-/ dalam *moli* 'membeli' dan *ngangkek* /ŋaŋkE?/ 'mengangkat'.

Dalam bahasa Inggeris, sering terjadi dua unsur morfem serupa bentuk ekspresinya tetapi berlainan isinya (*content*). Pasangan ini dinamakan *homofon*, iaitu sama bunyi.

Contoh:

goes /gowz/ 'pergi' . untuk orang ketiga pelaku tunggal.

goers /gowerz/ 'mereka yang pergi' : jamak.

/z/ ialah morfem dalam /gowz/ dan /gowerz/, tetapi bukan morfem yang sama.

/z/ bererti 'orang ketiga pelaku tunggal' dan /z/ yang bererti *jamak* adalah homofon. Atau kata-kata *rows* dalam ayat:

He rows the boat 'dia mendayung sampan', dan

They stand in rows 'mereka berdiri dalam barisan'.

Contohnya dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan ialah seperti berikut:

Bentuk *ko-an* dalam *koujanan* 'kehujanan' dan *kobaikan* 'kebaikan' walaupun morfem terikat *ko-an* dalam kedua-dua contoh ini mempunyai struktur fonologis yang sama, tetapi tidak dapat dimasukkan ke dalam satu morfem kerana makna dan erti gramatisnya tidak sama. Morfem *ko-an* dalam *koujanan* 'kehujanan', menyatakan 'pasif, keadaan', sedangkan morfem *ko-an* dalam *kobaikan* 'kebaikan' menyatakan 'abstraksi hal'.

Contoh lain ialah morfem *buku* dalam *buku tobu* 'buku tebu' dan morfem *buku* dalam *Dia moli buku* 'la membeli buku'. Kedua-duanya tidak dapat dimasukkan ke dalam morfem yang sama kerana ertinya berlainan.

Abdullah Hassan, (1974) menjelaskan bahawa morfem dibahagikan atas unit gramatikal yang minimal. Dalam teori linguistik umum, morfologi dapat dibatasi sebagai unit distribusi yang tidak seharusnya terjadi dalam bentuk kata, tetapi diwakili oleh satu morf, yakni bentuk-bentuk atau yang sebenarnya.

M. Ramlan (1967: 11) pula menjelaskan bahawa morfem ialah bentuk linguistik yang paling kecil; bentuk linguistik yang tidak mempunyai bentuk lain sebagai unsurnya, dan telah memberikan contoh-contoh morfem (dalam bahasa Indonesia) seperti berikut: *rumah*, *speda*, *jalan*, *ber*, *meN-*, *di-*, *maha-*, *juang*, *lah*, dan sebagainya.

Morfem dalam dialek Negeri Sembilan dapat diklasifikasikan dengan dua cara berdasarkan kebahasaan perwujudan dan distribusinya dalam bentuk kata. Pertama, morfem bebas (*free morpheme*) dan morfem terikat (*bound morpheme*). Morfem bebas adalah morfem yang dapat berdiri sendiri sebagai kata.

Contoh:

rumah	'rumah
atap	'atap'
sawah	'sawah'

Sebaliknya, morfem yang tidak dapat berdiri sendiri sebagai satu kata adalah morfem terikat (*bound morpheme*). Contoh:

/N-/

majak	/majaʔ/	'membajak'
ngangkek	/ŋaŋkEʔ/	'mengangkat'
nyabit	/ɲabet/	'menyabit'
napeh	/napeh/	'menapis'

<i>bo-:</i>		
bokisa	/bɔkisa/	'berkisar'
bopaga	/bɔpaga/	'berpagar'
bojuo	/bɔjua/	'berjudi'
<i>di-:</i>		
dimakan	/dimakan/	'dimakan'
diikek	/diikeʔ/	'diikat'
dikorek	/dikɔʔ Eʔ/	'dikerat'
<i>to-:</i>		
totuai	/tɔtuay/	'tertuai'
tolobeh	/tɔlɔbeh/	'terlebih'
tobuang	/tɔbuang/	'terbuang'
<i>poN-:</i>		
polopeh	/pɔlɔpEh/	'pelepas'
poanpeh	/pɔnapɛh/	'penapis'
penganda	/pɔŋanda/	'pengandar'
pemajak	/pɔmajat/	'pembajak'
<i>so-:</i>		
sokopeng	/sɔkɔpen/	'sekeping'
sorumpon	/sɔʔumpon/	'serumpun'
selopak	/sɔlɔpaʔ/	'petak sawah'
<i>ko-:</i>		
kotuo	/kɔtuɔ/	'ketua'
kondak	/kɔndaʔ/	'kehendak'
kopado	/kɔpado/	'kepada'
<i>-an:</i>		
boriam	/bɔʔian/	'berikan'
cangkoan	/caŋkoan/	'cangkulkan'
bokuan	/bɔkuan/	'bekukan'
<i>bo-an:</i>		
botabooan	/bɔtabooan/	'dibantu menakburkan'
borantaan	/bɔʔantaan/	'dibantu menghantarkan'
bopogangan	/bɔpogangan/	'dibantu memegangkan'

di-an:

dilopehan	/diləpEhan/	'dilepaskan'
dituaian	/dituayan/	'dituaikan'
biolian	/dibolian/	'dibelikan'

to-an:

tobawakan	/təbawaʔan/	'sanggup dibawakan'
tobolian	/təbolian/	'sanggup dibelikan'
toupahan	/təupahan/	'sanggup diupahkan'

poN-an:

pomorian	/pəməɣian/	'pemberian'
pomutoehan	/pəmutoehan/	'pemutusan' (pengakhiran)
pongajaan	/pəŋajaan/	'pengajaran'

ko-an:

kobosaan	/kəbosaan/	'kesukaan' (negatif)
kosukoan	/kəsukoan/	'kesukaan' (positif)
kolotehan	/kələtehan/	'keletihan'

Dalam contoh *majak* 'membajak', *ngangkek* 'mengangkat', *nyabet* 'menyabit' dan *napeh* 'menapis', masing-masing terdiri daripada dua morfem. Dalam kosa kata tersebut, morfem /N-/ 'aktif' adalah morfem terikat dan kata dasarnya: *bajak*, *angkek*, *sabet* dan *tapeh* adalah morfem bebas. Namun satu bentuk kata tidak seharusnya mengandungi satu bentuk bebas. Semua morfemnya boleh dalam bentuk bebas dan bentuk terikat.

Dalam pemakaian kosa kata dialek Negeri Sembilan terdapat berbagai-bagai bentuk morfem, iaitu:

i. bentuk tunggal

contoh:

rumah	'rumah'
jalan	'jalan'
sawah	'sawah'

ii. bentuk kompleks

contoh:

a. <i>majak</i>	'membajak'
-----------------	------------

m- afiks prefiks
bajak — bentuk dasar

- b. *nyangko* 'menyangkul'
n-afiks prefiks
cangko — bentuk kata dasar
- c. *kodai gotah* 'tempat menjual getah'
kodai — morfem bebas
gotah — morfem bebas
- d. *pomorian*
poN-an — afiks (konfiks)
bori — morfem bebas (bentuk kata dasar).

iii. bentuk perulangan (reduplikasi)

- a. *perulangan seluruh*
pagi-pagi; bentuk dasar *pagi* 'pagi'
tinggi-tinggi; bentuk dasar *tinggi* 'tinggi'
mudo-mudo; bentuk dasar *mudo* 'muda'
- b. *perulangan sebahagian*
gagamai; bentuk dasar *gamai* 'ramai'
lelompek; bentuk dasar *lompek* 'lompat'
gogomok; bentuk dasar *gomok* 'gemuk'
- c. *perulangan yang berafiksasi*
kobudak-budakan; bentuk dasar *budak* 'anak'
bolobeh-lobehan; bentuk dasar *lobeh* 'lebih'
komerah-merahan; bentuk dasar *merah* 'merah'
dikorek-korek; bentuk dasar *dikorek* 'dikerat'
kolimo-limo; bentuk dasar *kolimo* 'kelima'
botabo-tabo; bentuk dasar *botabo* 'bertaburan'
- d. *perulangan dengan perubahan fonem*
sorobo-sorobi; bentuk dasar *sorobo* 'serba'
kupak-kupek; bentuk dasar *kupak* 'kupak'
goyah-goyeh; bentuk dasar *goyah* 'goyah'

- iv. Bentuk setengah bebas (*semi free form*)
 - a. gori, seperti dalam *gorak-gori* 'gerak-geri'
 - b. montayo, seperti dalam *montuo montayo* 'mertua'

KESIMPULAN

MORFEM-morfem dalam dialek Negeri Sembilan terdiri daripada:

- a. morfem bebas
 - b. morfem terikat
 - c. morfem setengah bebas, setengah terikat (*semi free form*)
- ii. Morfem-morfem setengah bebas, setengah terikat (*semi free form*) tidak banyak, hanya ada beberapa saja.
 - iii. Bentuk-bentuk morfem dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan terdiri daripada:
 - a. bentuk tunggal
 - b. bentuk kompleks
 - c. bentuk reduplikasi, iaitu:
 - reduplikasi seluruh bentuk
 - reduplikasi sebahagian
 - reduplikasi yang diikuti oleh afiksasi
 - perulangan yang diikuti oleh perubahan fonem
 - iv. Dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan, kata ulang untuk menyatakan jamak tidak ditemui.
 - v. Kosa kata bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan tidak memiliki afiks *-an* sebagai faktor nominalisasi. Afiks *-an* adalah faktor verbal.
 - vi. Dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan terdapat afiks, iaitu:
 - a. prefiks
 - b. sufiks
 - c. konfiks
 - vii. Kata-kata bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan umumnya terdiri daripada satu, dua dan tiga morfem.
 - iii. Bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan tidak mengenal waktu dalam pemakaian.
 - x. Ditemui morfem-morfem terikat yang berfungsi sebagai pembentuk kata kerja dan kata benda.